



JABATAN PERTANIAN
(Department of Agriculture)
BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK
(Pesticides Control Division)
TINGKAT 4-6, WISMA TANI,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50632 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.
Tel: 03-2030 1400 Faks: 03-2691 7551



Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2
(Our Ref.) Jld.VI (72)

Tarikh : 13 November 2018
(Date)

KEPADA YANG BERKENAAN

**SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK
BILANGAN 5 TAHUN 2018**

**AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974
Perlanjutan Tempoh Status 'Proprietary' Untuk Pengesyoran Tambahan
Tanaman Tertentu (*Minor Use*)**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Syarikat Pendaftar mengenai keputusan pihak Lembaga Racun Makhluk Perosak tentang perlanjutan tempoh status 'proprietary' untuk pengesyoran tanaman tertentu (*minor use*). Pada masa ini Lembaga memberi kelebihan 'data protection' kepada Syarikat Pendaftar yang memperkenalkan racun makhluk perosak baru di negara ini dengan memberi status 'proprietary'. Tempoh status 'proprietary' ini adalah selama 10 tahun berdasarkan kepada data – data teknikal yang kompleks diperlukan semasa proses pendaftaran. Selepas tempoh tersebut, racun makhluk perosak berkenaan akan dikategorikan kepada status 'komoditi' iaitu racun makhluk perosak yang telah melebihi 10 tahun di Malaysia.

JUSTIFIKASI


1. Justifikasi terhadap perlanjutan tempoh status 'proprietary' untuk pengesyoran tambahan tanaman tertentu (minor use) adalah kerana Lembaga mendapati bahawa syarikat pendaftar tidak berminat untuk menjana data residu yang mahal bagi tanaman tertentu kerana faktor pulangan yang tidak setimpal.
2. Bagi menggalakkan Syarikat Pendaftar menjalankan kajian penjanaan data residu dan kemujaraban di mana penambahan syor penggunaan pada tanaman tertentu (minor use) bagi perawis aktif racun makhluk perosak berstatus 'proprietary', maka status 'proprietary' bagi racun makhluk perosak berkenaan akan diberi tempoh perlanjutan seperti berikut:
 - ◆ 10 tahun (asal) + 3 tahun (bagi penambahan 1 syor)
3. Permohonan untuk pengesyoran tambahan ini hendaklah dihantar oleh Syarikat Pendaftar kepada Lembaga sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** sebelum tamat tempoh status 'proprietary' racun makhluk perosak tersebut.

TARIKH KUATKUASA

4. Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada **15 November 2018**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMMAD NAZRUL FAHMI BIN ABDUL RAHIM)

Setiausaha
Lembaga Racun Makhluk Perosak

s.k :
Pengarah Eksekutif
MCPA